

01 NOV 1997

Anwar-IMF

IMF KEMUKA LAPORAN CADANGAN PERATURAN PERDAGANGAN MATA WANG

PETALING JAYA, 1 Nov (Bernama) -- Laporan kemajuan mengenai kajian terhadap cadangan Malaysia supaya peraturan perdagangan mata wang digubal, akan dibentangkan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus pada 1 Dis ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Camdessus akan membentangkan laporan kemajuan kajian yang dijalankan pasukan petugas IMF itu pada Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean dan lima negara utama Asia di sini selama dua hari bermula 1 Dis.

"Jadi dalam mesyuarat itu, IMF akan memberitahu kita kemajuan syarat-syarat dalam urusan urusanniaga mata wang atau apa yang disebut movement of hedge fund dengan menetapkan peraturan dan pengawalan yang bijak.

"(Ini) kerana dalam kegiatan apa-apa, dalam koperasi kita ada undang-undang, urusan bank ada undang-undang, insurans ada undang-undang (tetapi) dalam urusan urusanniaga mata wang tidak ada undang-undang. Inilah yang disuarakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (dan) sekarang orang terima," katanya ketika berucap merasmikan serentak Bangunan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ke-75 dan Persidangan Kebangsaan Tahunan ke-14 Angkasa di Kelana Jaya, dekat sini.

Perdana Menteri telah menyuarakan dengan tegas mengenai perlunya peraturan digubal bagi memastikan perdagangan mata wang telus dan terkawal kerana kegiatan spekulasi dan manipulasi sejak Mei lepas telah memberi kesan buruk kepada nilai mata wang negara-negara di rantau ini bermula dengan Thailand dan kemudian merebak kepada Indonesia, Filipina, Malaysia dan Singapura.

Sekembalinya daripada lawatan ke luar negara Khamis lepas, Dr Mahathir menegaskan bahawa proses globalisasi dan deregulasi yang sedang diusahakan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) akan gagal jika peraturan baru untuk semua negara, termasuk undang-undang perdagangan mata wang, tidak digubal.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata lima negara utama Asia yang akan menyertai mesyuarat dengan Menteri-menteri Kewangan Asean itu ialah Korea Selatan, China, Hong Kong, Jepun dan Australia.

Katanya Camdessus menelefonnya semalam bagi mengesahkan kehadirannya pada mesyuarat itu untuk membentangkan laporan kemajuan kajian yang sedang dilaksanakan IMF.

Pengarah Urusan IMF itu turut memaklumkan kepadanya mengenai bantuan bernilai AS\$23 bilion kepada Indonesia bagi mengembalikan keyakinan pelabur terhadap kekuatan asas ekonomi republik itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata Malaysia yakin bantuan IMF kepada Indonesia dan Thailand, yang sebelum ini mendapat pinjaman sebanyak AS\$17.2 bilion, akan mempercepatkan lagi proses pemulihan ekonomi di rantau ini, termasuk Malaysia.

-- BERNAMA.

AH RON